



11 DISEMBER, 1985

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

PERATURAN-PERATURAN KERAJAAN DIBUAT BAGI MENJAMIN KEMAJUAN NEGARA

Peranan rakyat dan penduduk negara ini dalam mematuhi dan mendukung peraturan-peraturan kerajaan bukanlah suatu perkara yang dapat dipersoalkan. Peraturan-

peraturan yang dibuat sememangnya telah diteliti dan diamat-amati secara mendalam menurut ciri-ciri tertentu. Di mana-mana jua negara yang bertamadun peraturan-peraturan adalah perlu untuk menjamin kemajuan negara. Mungkin peraturan-peraturan tersebut tidak akan memenuhi kehendak-kehendak peribadi. Tetapi begitulah dasar peraturan. Ianya lebih mementingkan kehendak ramai supaya sebarang perkembangan, kemajuan, kesejahteraan dan kemudahan akan dapat dikecapi oleh segenap lapisan masyarakat secara saksama.

Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengingatkan penduduk, penghulu dan ketua-ketua kampung di Mukim Kota Batu supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan kerajaan terutama dalam membina bangunan dan rumah. Baginda bertitah supaya bangunan atau rumah yang hendak didirikan hendaklah bagi kediaman anak-anak buah kampung dan bukannya bagi kegunaan orang luar yakni orang pendatang sama ada untuk disewakan atau tidak. Baginda seterusnya mengingatkan bahawa seandainya peraturan-peraturan tersebut tidak dipatuhi kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas. Sayugianya titah Bagin-

da itu tidak semestinyalah tertumpu hanya kepada penduduk-penduduk mukim tersebut sahaja. Peraturan-peraturan itu bukanlah hanya peraturan bagi Mukim Kota Batu tetapi bagi pertimbangan keseluruhan penduduk di negara ini.

Memang tidak dinafikan bahawa dalam keadaan negara kita yang pesat membangun sambil mengecapi berbagai kemudahan dan kenikmatan ini ramai pendatang-pendatang yang ingin berteduh di bumi Darussalam ini. Kita tidaklah menyekat mereka yang datang secara berperaturan tetapi di samping itu kita juga bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan-kepentingan kita sendiri kerana segala kemudahan-kemudahan dan kenikmatan yang ada adalah diberikan oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini. Sambil itu juga kita haruslah mengambil kira tentang keselamatan bukan saja bagi kampung-kampung berkenaan tetapi juga bagi negara secara amnya.

Sehubungan dengan itu, penerimaan permohonan-permohonan bagi membina rumah-rumah baru di kawasan perairan di sepanjang Jalan Kota Batu bermula dari Kampung Pintu Malim hingga ke Kampong Mentiri dan juga kawasan perairan Kampong Buang Sakar telah

dibekukan mulai 28 November 1985. Ianya diperlukan untuk membolehkan pihak-pihak berkenaan menyelesaikan penelitian dan pertimbangan terhadap permohonan-permohonan lama bagi kawasan tersebut. Langkah memproses ini mungkin memakan sedikit waktu tetapi adalah perlu dan selaras dengan kehendak-kehendak peraturan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kampung-kampung berkenaan dan juga memastikan bahawa perkembangan di kampung-kampung itu berjalan dengan teratur.

Bagi mana-mana peraturan sekalipun memanglah ada yang terjejas yang sering berpunca dari kurang pemahaman terhadap peraturan-peraturan tersebut. Tetapi ianya bukanlah dihasratkan untuk menyakiti mereka yang terlibat. Sebagai pertimbangan, sesayang-sayang indung kepada anaknya sekalipun ianya pasti akan melarang si anak berbuat sesuatu jika perbuatan tersebut difikirkan akan menimbulkan kemudaratan sama ada untuk dirinya sendiri atau untuk mereka di sekitarnya. Pertimbangan seperti inilah yang harus diambil kira dan diteliti secara rasional. Biarlah kita buka pemikiran kita. Kerana dari segi mana jua pertimbangan yang diambil kesimpulannya diujung jalan nanti kita jualah yang akan menerima faedahnya, insya-Allah.

Dari muka 1

b) Memperuntukkan kawasan tapak tanpa kerja-kerja tanah, tetapi jalan keluar masuk akan disediakan; ATAU
c) Memperuntukkan tanah sahaja tanpa kerja-kerja tanah dan jalan keluar masuk. Walau bagaimanapun, simpanan laluan akan disediakan.

Perlaksanaan perkara-perkara di atas adalah bergantung kepada merit tanah-tanah yang diambil balik.

Pemilihan kawasan gantian tanah yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah mengikut kelaziman yang diikuti sekarang, iaitu di dalam kampung yang sama atau di mukim yang sama atau di daerah yang sama atau di tanah-tanah gantian itu jika secara beramai-ramai adalah dengan menjalankan undian.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengurniakan titah perkenan terhadap beberapa garis panduan yang akan diikuti oleh Jabatan Tanah dalam mempertimbangkan permohonan-permohonan gantirugi secara tanah itu seperti berikut:

a) SYARAT KHAS TANAH

Syarat khas tanah bagi tanah gantian adalah sama dengan syarat khas tanah yang diambil balik. Bagi tanah-tanah yang bersyaratkan pertanian secara khusus iaitu seperti Rumbia, Padi, Getah dan seumpamanya, tanah ganti yang akan diberikan bolehlah diberikan syarat khas tanah Pertanian Am tertakluk kepada kesesuaian dan pertimbangan Kerajaan sebagaimana yang diikuti pada masa ini.

b) KELAMAAN GERAN DAN JENIS GERAN

Tempoh kelamaan geran bagi tanah gantian adalah sama dengan tempoh kelamaan geran tanah yang diambil balik. Misalnya tanah jenis geran kekal akan diganti dengan tanah jenis geran kekal.

i) Bagi tanah pajakan, tempoh kelamaan geran tanah gantian ialah mengikut baki tempoh pajakan yang masih ada pada tanah yang diambil balik. Walau bagaimanapun, baki tempoh pajakan itu mestilah tidak kurang dari 10 tahun. Dalam pada itu, setiap permohonan akan dipertimbangkan mengikut merit masing-masing pada misalnya jika di atas tanah itu ada sebuah rumah kediaman, baki tempoh pajakan tanah hanya tinggal 3 tahun saja lagi, pemiliknya tidak mempunyai tanah lain dan ianya juga tidak terlibat dalam Skim Perpindahan / Pemberian Tanah, permohonan akan dipertimbangkan untuk mendapat gantian tanah dengan tempoh pajakan yang baru, mengikut perkiraan-perkiraan yang lazim dibuat.

ii) Bagi tanah-tanah yang bersyaratkan Perindustrian dan Perniagaan baki pajakan yang tinggal bolehlah kurang dari 10 tahun bagi membolehkan pemohon-pemohon meminta gantian tanah kerana tanah-tanah seperti ini dianggap boleh mendatangkan keuntungan dalam waktu yang lebih singkat, tertakluk kepada jenis dan jumlah permodalan.

Beberapa garis panduan juga akan diikuti mengenai dengan kawasan tanah yang diambil balik dan tanah untuk penggantian seperti berikut:

a) Keluasan tanah yang diambil balik yang bersyaratkan Perumahan dan Pertanian mestilah tidak kurang dari 1/6 ekar.

b) Jika sebanding tanah yang diambil balik itu bersyaratkan Pertanian atau Perumahan, luasnya ialah kurang dari 1/6 ekar dan di atasnya terdapat sebuah rumah kediaman, maka pemilik bolehlah memohonkan tanah gantian dengan syarat ia tidak mempunyai tanah lain ataupun tanah lain yang dimilikinya belum boleh dimajukan.

c) Jika tanah yang diambil balik itu kurang keluasanya dari 1/6 ekar permohonan untuk mendapat gantian tanah boleh dipertimbangkan sekiranya tanah gantian boleh didapati dan diusahakan bersempadan dengan tanah yang diambil balik itu dengan ingatan tanah ganti mesti dicantumkan dengan baki tanah yang diambil balik itu. Walau bagaimanapun, peraturan yang diikuti sekarang iaitu tiap-tiap sebidang tanah pertanian hanyalah untuk sebuah rumah sahaja akan tetap diikuti.

d) Bagi tanah-tanah yang bersyaratkan Pertanian dan Perumahan sahaja, jika baki tanah yang sudah diambil balik kurang dari 1/6 ekar, Kerajaan akan mengusahakan bagi keseluruhan tanah-tanah berkenaan diambil balik.

e) Bagi tanah-tanah yang bersyaratkan Perniagaan dan Perusahaan pertimbangkan dari segi keluasan dan tapak ganti tanah, jika perlu, akan dibuat oleh Kerajaan dari semasa ke semasa mengikut keadaan dengan tujuan tidak akan menyusahkan orang ramai dan menjejaskan dasar-dasar Kerajaan.

Jabatan Tanah dan Jabatan-Jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, akan menggunakan garis panduan yang disebutkan di atas bagi memproses permohonan-permohonan gantirugi untuk pengambilan balik tanah yang mana permohonan-permohonan itu belum diluluskan. Dalam pada itu, adalah juga diambil ingatan bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan gantirugi yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengikut keadaan semasa dan kepentingan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada keseluruhannya.

BRUNEI JADI TUAN RUMAH SEAMEC KE-21 JAN, 86

BANGKOK. — Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEC) ke-21 yang akan berlangsung di Bandar Seri Begawan dari 22 hingga 27 Januari, 1986.

Keputusan ini adalah antara perkara-perkara utama yang diperbincangkan dalam mesyuarat ke-8 pegawai-pegawai tinggi pertubuhan itu (HOM) yang berlangsung di Bangkok pada minggu lalu.

Ketua perwakilan Negara Brunei Darussalam ke persidangan pegawai-pegawai tinggi itu, Awang Abd. Razak bin Haji Mohammad, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah sebulat suara dipilih untuk mempengerusikan sidang ke-8 pegawai-pegawai tinggi pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara itu.

Lain-lain anggota perwakilan negara ini ke sidang itu ialah Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Timbalan Naib Cancellor Universiti Brunei Darussalam; Pengiran Haji Md. Zain bin Pengiran Haji Lampoh, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan Awang Haji Ahmad bin Mohd. Arshad, Pegawai Akhbar Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Negara Brunei Darussalam adalah anggota rasmi Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) sejak bulan Februari 1984 dan mengambil bahagian dalam beberapa

cawangan pertubuhan itu yang bergerak aktif dalam perkembangan pelajaran serantau.

Negara-negara lain yang menjadi anggota rasmi pertubuhan itu ialah Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina, Thailand, Demokratik Kampuchea, sementara anggota-anggota sekutunya ialah Australia, Perancis, Laos, New Zealand, dan Kanada adalah anggota bergabung dalam pertubuhan itu.

Persidangan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara itu nanti adalah yang terpenting di mana beberapa keputusan akan dibuat bagi menentukan pelaksanaan projek-projek yang diselenggarakan oleh pusat-pusat penyelaras di bawah pertubuhan itu.

Pusat-pusat penyelaras tersebut ialah Pusat Serantau Untuk Kajiayatan Tropika

(BIOTROP); Pusat Serantau Pembaharuan dan Teknologi Pelajaran (INNOTECH); Pusat Serantau Pelajaran Dalam Sains dan Matematika (RECSAM); Pusat Serantau Mengenai Bahasa (RELCO); Kerjasama Serantau Dalam pengajian tinggi di bidang pertanian (SEARCA); Projek SEAMEO mengenai Kajiput ba dan Seni Halus (SPAFA) dan Projek SEAMEO dalam Perubatan Tropika dan Kesihatan Awam (TROPMED).

Negara Brunei Darussalam telah menyumbangkan sebanyak US \$100 ribu untuk perkhidmatan tahun 1985/1986. Sebahagian dari sumbangan Negara Brunei Darussalam itu telah dikhaskan bagi penyelenggaraan projek-projek RECSAM, RELCO dan INNOTECH di mana ianya terlibat dalam kegiatan badan-badan tersebut.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad mempengerusikan sidang ke-8 Pegawai-Pegawai Tinggi SEAMEO. Di sebelah beliau ialah Pengarah Sekretariat Pertubuhan itu, Professor Dr. Adul Wichiencharoen, manakala di sebelah kiri ialah jurutulis majlis.



PERWAKILAN Negara Brunei Darussalam bergambar dengan Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Dato Abdul Hamid bin Jaafar (No. 2 dari kanan) selepas upacara perasmian Mesyuarat Pegawai-Pegawai Tinggi SEAMEO di Bangkok minggu lalu.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

TAMAN MEKAR MENDAPAT SAMBUTAN

LAHIRNYA rancangan kanak-kanak di radio adalah merupakan satu perkara yang amat penting sekali dalam menepati matlamat pendidikan (motivation) asas untuk membantu perkembangan mental kanak-kanak khususnya dan tidak terkecuali perkembangan fizikal yang diberikan oleh radio melalui teorinya sahaja. Kita maklum radio itu dikeudarkan cuma melalui suara (voice) semata.

Dengan wujudnya rancangan Taman Mekar menemui halua pendengar yang terkhusus kepada kanak-kanak itu, maka kewujudannya itu pun sudah barang tentu dapat membantu mental kanak-kanak di kebanyakan sudut yang kanak-kanak itu boleh menyertai aneka perancangan yang diperuntukkan dalam rancangan ini.

Umpamanya penerbit rancangan Taman Mekar ini ada menyediakan ruangan Mari Bercerita, Membaca Sajak, menyanyi dan lain-lain lagi yang difikirkan perlu oleh radio dan diselaraskan oleh penerbit dalam rancangan itu. Kesemua bahan-bahan perancangan yang tersedia itu adalah ditujukan untuk memberikan peluang dan kesempatan ba-

gi penglibatan kanak-kanak dalam menguji bakat dan kebolehan mereka masing-masing.

Peluang yang diberikan oleh radio terhadap kanak-kanak kita sejauh ini dapatlah dikira dan diperangkakan perkembangannya di sepanjang tahun 1985 ini amat menggalakan sekali, jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang terkebelakang.

Kita ambilkan satu contoh dari bahan-bahan yang termuat dalam rancangan Taman Mekar ini iaitu 'Kesan Bunyi'. Di mana bahan rancangan 'Kesan Bunyi' ini sungguh mendapat sambutan yang amat menggalakan sekali dari peminatnya, jika diperbandingkan dengan bahan-bahan perancangan yang lain, seperti sajak, cerpen, teka-teki dan lain-lain lagi.

Pendeknya, sejauh ini rancangan Taman Mekar jika diolah lagi dalam bentuk yang begitu kemas sekali maka besar kemungkinan peminat, peserta dan penyertaan dari mereka yang melibatkan diri dalam rancangan ini pasti akan meningkat lagi di tahun yang terkehadapan nanti.

Pokoknya mana-mana juga isi rancangan yang difikirkan kurang mendapat rangsangan dari peserta dan peminatnya maka sesuatu isi rancangan itu eloklah diperbaharui kembali dan diubahsuai menurut suasananya. Agar segala apa juga isi rancangan itu akan benar-benar mendatangkan hasil yang baik dan memuaskan kepada yang meminati-

Keramaian dari yang menyengutukan diri dalam sama-sama menjayakan rancangan Taman Mekar ini radio tidak juga lupa mengucapkan penghargaan dan terima kasih dari setiap penyertaan yang disertai dalam rancangan ini. Sama ada penyertaan itu dari penulis, penyampai mahupun pendengar dan peminatnya sekali.

Moga-moga kewujudan di tahun 1986 ini nanti, rancangan Taman Mekar akan terus membuahkan lagi hasil-hasil yang baik, bermutu dan berkesan kepada pendengar dan peminatnya di mana sahaja rancangan ini dapat diikuti. SEKIAN. WABIL-LAHITAUFIK. WAL-HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAH-MATULLAH.

Rancangan Rampaisari

RANCANGAN Rampaisari disiarkan setiap hari Sabtu dari jam 10.30

hingga 11.30 pagi. Dengan menyediakan berbagai bahan untuk panduan ibu-

ibu dengan hasrat ianya akan dapat memberi panduan yang baik begitu juga idea-idea baru dalam membantu suri rumah dengan pekerjaan harian-

nya. Di samping itu juga Rampaisari sentiasa mengalu-alukan setiap pendapat dan pandangan yang membina dari pendengarnya. Gambar yang disertakan kelihatan Penyampai Rampaisari Daerah Belait sedang bertugas di studio Radio Brunei Kuala Belait.

Begitulah kelihatannya Dayang Florinda Haji Mejenis menumpukan sepenuh perhatiannya ketika rancangan ke udara.



TALENTIME SEPARUH AKHIR KETIGA

MINGGU ini merupakan minggu ketiga dan terakhir peserta-peserta akan muncul di kaca TV awda dan melalui Radio dalam pertandingan peringkat separuh akhir.

Rancangannya akan dapat awda saksikan pada hari Sabtu malam minggu 14 Disember yang akan datang selepas rancangan Liputan Nasional, kira-kira jam 9.15 malam.

Dan keesokan harinya, iaitu Ahad 15 Disember, 1985 awda akan dapat mengikuti rancangan ini melalui per-

khidmatan Radio Inggeris pada jam 11.00 pagi dan ulangnya pada jam 8.00 malam.

Inilah dia sepuluh orang peserta yang akan tampil pada minggu ini gambar atas dari kiri: Jazmeen Mohd Ali Noordin; Zulkifli Butir, Teo Se Chien, Amili bin Haji Md Yusoff, Ali Mohd Yusoff bin Pg Haji Damit, No Hayati Mohamad Nor, Mohd Yus bin Haji Bagol, Ted Wong Sweet Ta Aspar bin Damit dan Zuriana binti Kepli.

Sandiwar Radio:

MENANTI SENJA BERLALU

PENULIS Halimah Yaman, Brunei kali ini mengemukakan skrip yang berjudul MENANTI SENJA BERLALU untuk mengisi ruangan Sandiwar Radio Minggu Ini.

Penulis dalam dramanya ini mendedahkan tentang sikap segelintir orang yang tidak tahu membezakan antara budi yang diberikan secara jujur dengan budi yang diberi dengan mengharap balasan.

Suhana adalah seorang gadis yang begitu bertanggungjawab terhadap keluarganya. Walaupun dia sudah mengikat tali pertunangan dengan Razid, tetapi urusan peribadinya sendiri dengan tunangannya sebagai kewajipan yang kedua.

Razid adalah seorang penuntut luar negeri. Bila saja ia pulang bercuti ke tanahair, ia merasakan Suhana sudah tidak mengindahkannya lagi. Ia mengharapkan Suhana akan memberikan layanan yang sepenuhnya terhadap dirinya dan ini amat bertentangan dengan prinsip Suhana, lebih-lebih lagi dalam keadaan emaknya yang sedang sakit.

Emak Suhana mengidap penyakit barah dalam pe-

rut dan terpaksa menjalani pembedahan di luar negeri. Untuk melaksanakannya, Suhana terpaksa memikirkan perbelanjaan bagi persediaan ia dan emaknya ke luar negeri dan juga belanja untuk adik-adiknya yang akan ditinggalkan nanti.

Segala masalahnya ini diluahkan pada Pak Alim, ketua di pejabatnya. Pak Alim yang baik hati itu dengan tidak teragak-agak lagi bersetuju untuk memberikan bantuan dari segi kewangan. Bantuannya inilah yang membangkit-

kan kemarahan pada Razid hingga tercetuslah perselisihan faham di antara mereka.

Razid menyangka Pak Alim itu mempunyai tujuan yang serong. Benarkah sangkaan Razid itu? Apapula yang menyebabkan Pak Alim sanggup berkorban untuk keselamatan emak Suhana? Untuk mengetahui kisah selanjutnya, ikutilah rancangan ini pada 15 Disember 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abd Rahman.

Mari Memasak:

Spaghetti Berkuah

Bahan-bahannya :

- 1 bungkus spaghetti
- 5 biji bawang merah dihiris
- 3 biji lada hijau dihiris
- 6 auns santan pekat
- 1 kati taueh
- 1 batang daun kesum
- 4 sudu besar minyak
- 1 inci halia
- 8 auns udang hidup
- 10 auns bebola ikan
- 10 auns kerang rebus
- 2 camca rempah kari
- 2 keping tauhu goreng
- garam dan serbuk perasa secukupnya.

Cara-cara membuatnya :

Rebus spaghetti dalam air panas sampai lembut dan toskan. Campurkan dengan sedikit minyak supaya tidak melekat. Panaskan 3 sudu minyak dan tumiskan bawang merah, halia hingga wangbaunya. Masukkan rempah kari dan kacau hingga garing. Masukkan lada, udang dan kacau rata-rata 3-4 minit baru tuangkan santan. Biamendidih, masukkan daun kesum, garam dan serbuk perasa. Bila sudah masak angkat.





Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU

11 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.
PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS

12 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Lagu-lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.15 — Hiburan Selingan, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT

13 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Hiburan Lagu-lagu Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.00 — Majalah Ugama (SU), 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Minggu Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Hiburan Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

HARI SABTU

14 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Minggu Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hibur-

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00— 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30—12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio (kecuali hari Jumaat dan siaran asal dan ulangan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali
Saifuddin.
6.45 Aqidah dan Rohani.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.45 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib
dan Isyak.

an, 4.15 — Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Penyanyi Harapan (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD

15 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.00 — Juara Kugiran, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastra, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar

HARI ISNIN

16 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 —

Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA

17 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastra (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Hiburan Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Tinjauan (SU), 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 Discovering Music: Szymanoski's 3rd Symphony — 64/65.
9.00 Perspective — 45.
9.30 Talking About Music — 190/302.

THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: He Who Gets Slapped by Leonid Nikplavich Andreyev.
9.30 Australian Jazz — 7/13.

FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 A Religious Talk: The Holy Quran 1 — 17/19.
11.15 Light Music From The Netherlands — 731.
11.30 Children's Half Hour.

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: The Maria Mauldaur Band — 6/12.

P.M.

12.45 My Music — 380/436.
1.15 Book Club: The Picture of Dorian Gary — 9/10.
1.30 The Arts Worldwide — 11/16. (repeat)
2.00 Just for variety by duty announcer.
2.30 Fifteen Minute Theatre: A Ghastly Performance by Michael Hardwick.
2.45 Those Were The Days (repeat)
3.15 Calling On You by Ak Hishamuddin
4.00 Chinese Programmes.

8.00 A Religious Talk: The Holy Quran 1 — 17/19 (repeat)
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: Fingers of Suspicion by Mike Parker.
9.30 It's All Yours produced by Ak Hishamuddin.

SATURDAY

P.M.

8.00 Hits In Germany.
9.30 Many A Slip — A panel game providing listeners with a balance mixture of fun and information — 122/153.
9.30 Top of The Pops — 1098.

SUNDAY

A.M.

11.00 Talentime Singing Contest 1985 — Semi-Final No. 3
11.45 A Feature Language Break Down — 2/4.

NOON

12.00 ABU Radio Festival of Folk Music — 8.

P.M.

12.45 Brunei Darussalam This Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1098 (repeat)
1.30 Weekend Greetings by Charan Kumar.
2.30 Just for variety by duty announcer.
3.30 It's All Yours produced by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Talentime Singing Contest 1985 — Semi-Final No 3 (repeat).
8.30 BBC Science Magazine
9.30 Those Were The Days by Foo Chuan Pyng — Prog. 2/12.

MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five:
8.45 The Arts Worldwide with Charan Kumar — 12/17.
9.30 Top Tunes with John Fox and His Orchestra — 18/18.

TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakob.
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Depeche Mode — side 1.

DAILY

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service)
7.00 Brunei's AM.
Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence, Tide Times presented by Azizah Abdullah.
7.35 Brunei's Am (continued)
7.36 Chinese Programmes.
8.30 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.

P.M.

12.45 Lunch Break (continued) Weather Forecast Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat)
2.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.
4.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.
9.15 News.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

- 1) **PEMBANTU TEKNIK:** (Bilangan Kod: 027 03-393) (Di Pejabat Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Hendaklah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya mendapat satu mata pelajaran di peringkat biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Ketutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang mempunyai sesuatu kelulusan teknikal.
- Pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam hal pengiraan bahan-bahan binaan dan pengukuran tanah adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertanggungjawab mengawasi serta mengatur tugas pekerja-pekerja, menyediakan keperluan pembinaan jalan-jalan kecil, menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan bagi permohonan-permohonan pembinaan jalan-jalan kecil, membersihkan sungai dan lain-lain berkaitan dengan tugas-tugas Pejabat Daerah serta menyediakan laporan.

- 2) **PEGAWAI LUAR**

- a) (Di Pejabat Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod: 027 15-909)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

- b) (Di Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod: 024 15-909)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sijil Am Pelajaran di peringkat biasa atau yang sebanding dengannya.
- Pegawai yang sedang berkhidmat: Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam tugas-tugas mengawasi dan mengawal pekerja-pekerja buruh, pekerja-pekerja luar bandar serta boleh menyediakan laporan dan rekabentuk yang mudah.
- Pemohon-pemohon hendaklah sanggup bertugas di kawasan-kawasan pedalaman serta mengetahui kedudukan kampung di daerah-daerah berkenaan.

Tugas-tugas di Pejabat Daerah Temburong:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertanggungjawab mengawasi pekerja-pekerja Luar Bandar, menyediakan laporan dan rekabentuk yang mudah dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan tanggungjawab Pejabat Daerah Temburong.

Tugas-tugas di Pejabat Daerah Brunei dan Muara:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertugas di kawasan pedalaman dalam Daerah Brunei dan Muara bagi membuat pemeriksaan kepada permohonan-permohonan seperti pemecahan tanah, tanah TOL, perkebunan projek dan lain-lain tugas yang diarah oleh Pembantu Teknik Kanan dan Ketua Pembantu Teknik.

- 3) **PENGAWAS KECIL TINGKAT I:**

(Bilangan Kod: 088 70-109)

(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: D. 4 EB. 5 — \$1225-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai salah satu kelulusan seperti berikut:—
 - Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
 - Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan 4 mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
 - Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Hendaklah mempunyai pengalaman dalam perkara-perkara berikut:—
 - Pengawas dan pemeliharaan bangunan seperti rumah-rumah pangsa dan masjid;
 - Pengelolaan pekerja-pekerja rendah.
 - Pengelolaan kontrak-kontrak kecil.
- Hendaklah tahu membaca dan menulis Jawi.
- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman yang luas dalam perkara-perkara yang dinyatakan di (c) di atas bolehlah juga dipertimbangkan.

- 4) **TUKANG PELAN:** (Bilangan Kod: 059 03-293) (Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya se-

lama 3 tahun dalam membuat kerja-kerja pelan di Pejabat Akitek atau Jurutera yang diakui.

- Mestilah mempunyai Sijil Intermediate dari Institute of Architectural Draughtsmanship atau Ordinary National Diploma (OND) in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.
- Mestilah telah dan sedang berkhidmat sebagai Tukang Pelan atau Tukang Lukis selama 5 tahun.
- Mempunyai laporan prestasi kerja yang memuaskan.

- 5) **PEMBANTU PENYELIDIK:**

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya mendapat 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan kebudayaan tempatan.
- Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/56/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF WIRING AND FLEXIBLE CABLE.

Tarikh tutup: 23 Disember, 1985.

Cagaran: \$200.00

Dokumen-dokumen dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/243/1985

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN RAWATAN KE ATAS JENTERA HAWA DINGIN DI BANGUNAN MAHKAMAH TINGGI, UNTUK TEMPOH MASA TIGA TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Disember 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/246/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: OSCILLOSCOPE

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985.

Cagaran: \$100.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: PPL/MTB/249/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN SEMULA KAWAT ELEKTRIK UNTUK BLOK POLIS WANITA, KOMPLEKS BALAI POLIS LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/250/1985

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK SATU DAPOR DI SRK JUNJONGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/251/1985

Tajuk kerja: MENGENALIKAN PEMELIHARAAN PEMBERSEKIHAN AIR ALAT PENGWAPAN JENTERA HAWA DINGIN DI BANGUNAN-ANGUNAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan Pemborong: Pemborong-pemborong yang berkecakupan dan berkebolehan.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

BIL.: PPL/MTB/254/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 11 Disember, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

NEW ELECTRICITY SUPPLY EXTENSION FOR SENTI UKIR ASEAN AT MILE 3½, JALAN TUTONG.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon ada'ah diingatkan supaya mencatat nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan. Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-mohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakannya bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perkhidmatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji siji kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 13 Januari, 1986.

(E/2394/85)

Bilangan Pendaftaran: 150/1985

BIL.: PPL/MTB/257/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Khamis 26 Disember, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

MAINTENANCE OF L.T. OVERHEAD LINES AT KAMPONG BATU MARANG, MUARA.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/258/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Khamis 26 Disember, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

WAYLEAVE CLEARING OF 66KV OVERHEAD TRANSMISSION LINES FROM MILE 18 JALAN TUTONG TO LAMUNIN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/256/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Khamis 26 Disember, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

TO SUPPLY LABOUR FOR MONTHLY MAINTENANCE OF HYDRAULIC PLATFORMS FOR ONE YEAR CONTRACT 1986.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

DIBATALKAN

IKLAN jawatan kosong sebagai TRADESMAN TINGKAT II di Jabatan Bandar Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dalam keluaran Pelita Brunei 4 Disember muka surat 18 dengan ini adalah dibatalkan.

5 DIPLOMAT ASING SEMBAH WATIKAH PERLANTIKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima watikah perlantikan lima orang bagi perwakilan asing ke negara ini pada minggu lepas. Mereka terdiri dari Pesuruhjaya Tinggi Papua New Guinea ke Negara Brunei Darussalam di Jakarta, Tuan Yang Terutama Brian K. Amini dan Duta Besar Austria ke Negara Brunei Darussalam di Malaysia, Tuan Yang Terutama Dr. Kurt Spallinger yang menyebarkan watikah perlantikan pada hari Isnin, 2 Disember.

Pada 4 Disember, mereka yang menyebarkan watikah perlantikan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia terdiri dari Duta Besar Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Iftikah Karim dan Duta Besar Republik Arab Yemen ke Negara Brunei Darussalam yang beribu pejabat di Islamabad, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdul Koddos Alwazir.

Sementara pada 5 Disember, pula Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan

pula menerima watikah perlantikan Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Raymond Leslie Jermyn.

Setelah selesai istiadat menyebarkan watikah perlantikan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan berkenan menerima mereka mengadap ke hadapan majlis Baginda.

Terdahulu dari itu, ketibaan setiap perwakilan asing itu di Istana Nurul Iman telah diberi tabik hormat di pekarangan Istana oleh anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan diserikan dengan permainan pancaragam oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Setelah sempurna istiadat di Istana Nurul Iman, mereka kemudiannya melakukan kunjungan muhibah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan yang pada masa ini juga Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam di pejabat Yang Amat Mulia.



LIMA orang diplomat asing ke Negara Brunei Darussalam ketika menyebarkan watikah perlantikan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (Atas kiri) Duta Besar Bangladesh, TYT Tuan Iftikah Karim; (atas) Duta Besar Republik Arab Yemen, TYT Tuan Mohammed Abdul Koddos; (bawah kiri) Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, TYT Tuan Raymond Leslie Jermyn; (bawah) Pesuruhjaya Tinggi Papua New Guinea TYT Tuan Brian K. Amini dan (bawah sekali) Duta Besar Austria TYT Dr. Kurt Spallinger. — Gambar oleh Pg. Haji. Yaakub, Ak. Abu Bakar dan Ak. Bahar PHO.



MAKLUMAN

TELAH diumumkan kepada majikan-majikan bahawa mereka dikehendaki menghantar Penyata Maklumat Pekerja selawat-lewatnya 27 November 1985 yang lalu iaitu mengikut kehendak undang-undang di bawah Bab 8 Akta Maklumat Pekerja 1973.

Dengan ini majikan-majikan yang belum menghantar maklumat berkenaan diberi amaran bahawa jika mereka tidak memberi maklumat yang berkenaan dalam masa dua minggu dari tarikh pengumuman ini maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Wujudkan perhubungan yang erat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,

Negara Brunei Darussalam telah menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand sempena Hari Kebangsaan negara tersebut pada 5 Disember 1985.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dalam sabda perutusan penuh percaya bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus mewujudkan perhubungan yang erat dan baik yang dijamin oleh kedua buah negara.

TAMBAHAN

KELUARAN Pelita Brunei 27 November di muka 1 di bawah tajuk Kebawah DYMM berangkat ke Mukim Kota Batu, para 2 hendaklah dibaca seperti berikut: Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Mukim Kota Batu telah diiringi oleh Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud.

Dari muka 1

Sehubungan dengan itu, Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) menyeru para sasterawan dan penulis memikirkan supaya perbezaan-perbezaan yang ada diambil perhatian dan bermanfaat supaya ia dapat menolong melekaskan tujuan pertemuan sasterawan itu.

Berangkat sama mengiringi Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) ialah Yang Amat Mulia 2nd Leftenan Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah.

Juga hadir ialah Yang

Amat Mulia Pengiran Pengiran Cheteria, Setiausaha Setiausaha Tetap Kementerian dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Pertemuan Sasterawan Nusantara IV yang berlangsung selama empat hari itu dihadiri lebih 200 orang penulis dan sasterawan tempatan dan luar negeri dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Australia dan Sri Lanka.

Ia diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama persatuan ASTERAWANI.

SYARAT BARU PENDAFTARAN HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumumkan bahawa pendaftaran bagi menunaikan fardu haji tahun ini akan dibuka tidak berapa lama lagi dan pengumumannya akan disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Dalam pada itu Jabatan Hal Ehwal Ugama telah membuat peraturan baru iaitu setiap bakal haji yang hendak mendaftar untuk menunaikan fardu haji hendaklah membayar wang deposit semasa membuat pendaftaran iaitu sebanyak \$200.00 bagi orang dewasa dan \$100.00 seorang bagi kanak-kanak.

Wang ini adalah bertujuan bagi kegunaan deposit perumahan jemaah haji Brunei di tanah suci nanti.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul 'Azim telah berangkat merasmikan pembukaan sebuah kedai menjual alat permainan kepunyaan seorang peniaga tempatan di Gadong, Ahad

lepas. Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azamah Ni'Matul Bolkiah, serta putera-putera dan puteri-puteri Diraja yang lain.